

Program kemasyarakatan mahasiswa UMS dialu-alukan

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com
UB 24.5.13 B4

TENOM: Kehadiran siswa dan siswi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) di daerah ini menerusi program kemasyarakatan adalah sangat dialu-alukan.

Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi berkata kehadiran para mahasiswa itu mampu meluaskan ikatan perpaduan dalam kalangan masyarakat Tenom dan mereka sendiri.

"Persatuan Mahasiswa Pendidik (Permadik) dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS yang telah menganjurkan Jalinan Integrasi Muhibbah (Jasim) 1 Malaysia 2013 adalah satu program yang baik.

"Pemilihan Kampung Maimaitom yang terletak 27 kilometer dari Pekan Tenom adalah satu keputusan yang wajar memandangkan kampung itu terletak di kawasan pedalaman,"

katanya di majlis penutupan Jasim Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS di sini baru-baru ini.

Raime berkata, masyarakat di kawasan luar bandar khususnya etnik Murut merupakan golongan sasaran dalam pelaksanaan program kali itu.

Katanya, asas utama kepada penganjuran program itu bertujuan untuk menanam semangat kekitaan dan dalam diri mahasiswa yang terlibat dalam program kemasyarakatan itu.

"Program ini perlu diteruskan di masa hadapan kerana ia mampu meluaskan pandangan dan pengetahuan mahasiswa mengenai masyarakat di pedalaman khususnya mereka yang mengambil bidang perguruan," katanya.

Dalam pada itu, Raime juga mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Tenom kerana sekali lagi memberikannya kepercayaan



RAIME (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Ismail di majlis itu.

untuk menjadi ahli parlimen untuk berkenaan dalam pilihan raya umum ke-13 lalu.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengundi, penyokong dan jentera Barisan Nasional (BN) yang telah bertungkus-lumus

membantu calon BN mencapai kemenangan di daerah Tenom tidak kira DUN mahupun parlimen.

"Saya berharap dengan mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat ini, saya akan membantu rakyat



RAIME (kiri) menjelaskan sesuatu kepada Amos (kanan) sambil diperhatikan oleh Ismail (tengah).

di kawasan Parlimen Tenom sama ada dalam pembangunan sosio-ekonomi, prasarana mahupun pembangunan

modal insan," katanya.

Turut hadir, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS,

Prof Madya Dr Ismail Ibrahim dan Pengarah Jasim, Amos Taim serta tetamu kehormat yang lain.